


Cipta kerjaya di litar F1

Latifah Arifin - April 6, 2021 @ 10:36am

latifah@bh.com.my



Stephanie (dua dari kanan) bersama pasukan F1 Mercedes-AMG PETRONAS. - Gambar Ihsan Stephanie Travers

KUALA LUMPUR: "Setiap hujung minggu, peminat sukan lasak menunggu aksi litar Formula Satu (F1), tetapi kami melakukan persediaan kira-kira seminggu sebelum perlumbaan sebenar.


"Kebiasaannya, Jumaat menjadi hari terpanjang kami bekerja kerana perlu melakukan persiapan akhir sebelum sesi kelayakan pada keesokan harinya.

"Pernah saya dan rakan sekerja mula bekerja dari jam 9 pagi dan hanya selesai semua tugas, jam 2 pagi," kata Jurutera Bendalir Litar PETRONAS, Stephanie Travers.

Stephanie, 26, yang berkhidmat dengan pasukan Mercedes-AMG PETRONAS sejak 2019 bangga terbabit dalam bidang kejuruteraan, bahkan beliau membuktikan mampu membina kerjaya untuk pasukan F1 yang didominasi lelaki.

Beliau yang ditemuramah secara maya baru-baru ini, berkata tugas hakikinya termasuk mengambil sampel pelincir bagi tujuan analisis.

"Saya akan menganalisis minyak pelincir Syntium, minyak kenderaan PETRONAS Primax dan juga pelincir transmisi Tutela.



Stephanie bukti mampu membina kerjaya untuk pasukan F1 yang didominasi lelaki.

"Bahan api digunakan harus bersesuaian dengan formulasi ditetapkan oleh Persekutuan Automobil Antarabangsa (FIA) kerana ia adalah prasyarat kelayakan untuk berlumba dan bagi mengelak daripada dikenakan penalti.

"Kami juga perlu bersedia bermula dari sebelum, ketika enjin jentera F1 dihidupkan dan selepas ujian kelayakan yang dilakukan bagi menganalisis sampel bahan api yang diperolehi," kata anak kelahiran Harare, Zimbabwe ini.

Berkongsi rutin hariannya sebagai Jurutera Bendalir Litar PETRONAS, Stephanie, berkata setiap hari beliau melakukan tugas berbeza dan kerjayanya makin mencabar menjelang hari perlumbaan.

"Dalam keadaan dunia masih dilanda COVID-19, langkah keselamatan di litar F1 juga lebih ketat.

"Antaranya, kami bukan hanya menyelenggara enjin pasukan Mercedes-AMG PETRONAS, tetapi pasukan pelanggan.

"Bagaimanapun, prosedur yang ketat menyebabkan kami tidak boleh memasuki garaj seperti biasa, tetapi hanya mengambil sampel di tempat dikhaskan," katanya yang kini bertugas di PETRONAS Lubricants International (PLI), Turin, Itali.

Mengakui kerjayanya sebagai jurutera bendalir litar cukup mencabar dan akan memastikan dirinya kekal fokus dalam setiap tugas yang digalas.

Stephanie berkata, pengorbanan terbesar dalam bidang ini adalah terpaksa berjauhan dengan keluarga dalam tempoh masa yang agak panjang.

"Rutin kerja ini memerlukan saya mengembara ke serata dunia mengikut lokasi kejohanan.



Stephanie Travers

"Jadi, memang jarang dapat pulang bertemu keluarga. Pada mulanya agak sukar juga untuk berdepan realiti ini kerana saya sangat rapat dan gemar menghabiskan masa dengan insan tersayang.

"Selalunya, saya kerap bertanya khabar dengan keluarga menerusi FaceTime, apatah lagi dalam keadaan pandemik sekarang yang menyukarkan pergerakan merentasi sempadan negara," katanya.

Beliau mengakui, laluan untuk bekerja di litar F1 bukan mudah.

Sebelum ini, beliau mencuba nasib dengan menyertai pencarian global bagi jawatan Jurutera Bendalir Litar oleh PETRONAS Lubricants International.

"Saya agak takut menyertainya kerana ia tawaran kerja secara terbuka dengan lebih 7,000 penyertaan pencarian global diterima dari seluruh dunia.

"Apabila menjalani saringan hingga berjaya sampai ke peringkat akhir, saya menguatkan semangat untuk lakukan yang terbaik," katanya

Justeru, minat dalam bidang kejuruteraan apabila kerap melihat bapa yang membuka bengkel kenderaan membaiki kereta.

"Jadi bermula dari situ minat saya makin bercambah dan bapa sering berkongsi serta menjadi sumber rujukan untuk bertanyakan soalan bersifat teknikal.

"Mereka sangat gembira kerana akhirnya saya dapat bekerja dalam pasukan sukan F1," katanya melakar sejarah tersendiri dalam bidang yang amat jarang dipelopori wanita dan tidak pernah menganggap isu berkaitan 'gender' sebagai satu kelemahan.

Berkongsi perancangannya pada masa akan datang, wanita ini mahu terus menjadi aspirasi kepada masyarakat melalui hasil kerjanya dan memberi tumpuan kepada kerjayanya.

"Saya ingin melihat perjalanan dalam karier ini kerana ia baru sahaja bermula," katanya.

Stephanie turut berharap kisah kejayaannya memberi inspirasi kepada wanita untuk tampil lebih yakin dan positif terhadap keupayaan diri.